

CHINA TAWAR PROGRAM PERTUKARAN PENDIDIKAN UNTUK ASEAN

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 20/12/2016 | Author: Anas Abu Hassan / AAH MMA CR

Nanjing, 20 Dis (Bernama) -- Inisiatif Satu Jalur Satu Laluan (OBOR) China

serta Laluan Sutera Maritim Abad ke-21 China banyak memberi manfaat kepada penduduk Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN) dalam bidang perdagangan dan bukan perdagangan.

Manfaat yang dinikmati warga ASEAN adalah terutamanya dalam bidang pendidikan dan latihan.

Menerusi inisiatif Perdana Menteri China, Li Keqiang bermula pada tahun 2013, negara itu kini menjadi tuan rumah kepada lebih 68,000 pelajar ASEAN.

Baru-baru ini, 15 wartawan ASEAN dari 10 negara anggota persatuan itu berkesempatan melihat sendiri sejauh mana pelaksanaan inisiatif untuk membantu ASEAN.

PUSAT PENDIDIKAN CHINA-ASEAN

Menyentuh soal pendidikan, Setiausaha Agung Pusat ASEAN-China (ACC), Yang Xiuping berkata bilangan pelajar ASEAN dijangka meningkat kerana China telah membuka dasar untuk mengundang lebih ramai pelajar dari negara jiran melanjutkan pengajian mereka ke tanah besar itu.

"Jumlah pelajar ASEAN dijangka melebihi 100,000 orang menjelang tahun 2020,"

kata Yang.

Bagaimanapun, bantuan China dalam bidang pendidikan sebenarnya sudah lama bermula sebelum kedua-dua inisiatif itu diperkenalkan.

Penubuhan Pusat Pendidikan China-ASEAN di seluruh negara itu adalah langkah

melengkapkan lagi inisiatif yang boleh meningkatkan pertukaran pendidikan antara

kedua-dua pihak.

Sejak tahun 2004, 30 buah pusat seumpama itu sudah diwujudkan bagi menyediakan latihan vokasional serta kemahiran yang perlu untuk pekerja asing di China.

Sebuah pusat seumpama itu yang menarik perhatian kami terletak di Ruili, bandar di wilayah Yunnan, ke barat daya China, bersempadan dengan wilayah Muse, Myanmar.

Dari Ruili, lebih 50,000 orang menyeberangi sempadan China-Myanmar. Kebanyakannya ialah rakyat Myanmar yang bekerja dalam pelbagai sektor di Ruili.

Menyedari hakikat pekerja asing mungkin tidak berapa biasa dengan undang-undang buruh China di samping peraturan serta budaya, pusat itu menyediakan latihan sambil bekerja kepada pekerja asing.

Langkah ini adalah untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran yang diperlukan.

Kebanyakan pekerja asing ini akan bekerja di pelbagai sektor seperti perkhidmatan, hotel dan pengilangan di seluruh wilayah ini.

Pengarahnya, Luo Hailin berkata, pusat itu adalah projek perintis untuk pekerja asing yang berhasrat untuk bekerja di wilayah berkenaan.

Pusat itu tidak lama lagi akan dinaik taraf kepada kolej.

Menurut Luo, Universiti Yunnan Minzu di Kunming, ibu negeri Yunnan adalah

pihak yang bertanggungjawab menyediakan pembiayaan untuk pusat latihan yang tidak lama lagi akan menjadi sebuah institusi.

UNIVERSITI SOOCHOW BUKA KAMPUS DI LAO PDR

Universiti Soochow di Suzhou menawarkan satu lagi peluang untuk pelajar ASEAN melanjutkan pengajian mereka di tanah besar China.

Terletak di bandar bersejarah serta kebudayaan Suzhou, universiti itu pada

masa ini menjadi tuan rumah kepada lebih 2,000 pelajar ASEAN yang sedang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang.

Universiti Soochow diasaskan pada tahun 1900 dan terkenal dengan pelbagai usaha kerjasama di peringkat antarabangsa. Universiti ini juga mengadakan pertukaran di peringkat akademik serta kerjasama dengan lebih 170 buah universiti di seluruh dunia.

Bagi meningkatkan lagi hubungan dengan warga ASEAN, Universiti Soochow menubuhkan kampus luar negaranya yang pertama di Republik Demokratik Rakyat Laos (PDR).

Pada masa ini, kampus itu mempunyai 100 pelajar dan ia menawarkan program dwijazah untuk membolehkan pelajar mendapat sijil bahasa Mandarin serta kursus lain.

PERANAN PENTING MEDIA

Bagi mengukuhkan hubungan serta meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi antara kedua-dua pihak, pihak media memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat daripada pihak berkenaan.

Sehubungan itu, Yang mencadangkan media meningkatkan liputan serta menyebarkan berita kerjasama di samping perkembangan kegiatan di kedua-dua pihak.

Media baru adalah satu daripada pangkalan utama yang boleh digunakan oleh agensi media dari ASEAN dan China.

"Sudah tentu ada artikel dalam media sosial yang mengkritik tetapi itu baik

untuk rakyat dan kerajaan dalam melaksanakan kemajuan," kata Yang.

Yang turut berkata tahun 2017 adalah amat penting untuk China.

RUANGAN SISI

KERJASAMA INDUSTRI DENGAN ASEAN

Selain pendidikan dan latihan, perdagangan antara ASEAN dan China menjadi keutamaan paling atas dan masih banyak ruang untuk kerjasama.

Bandar terkemuka Suzhou yang terletak di tenggara adalah tempat operasi banyak syarikat pengilangan yang besar termasuk Taman Perindustrian Suzhou Industrial Park (SIP) China-Singapura.

Terletak di timur Suzhou, SIP meliputi kawasan lebih 288 kilometer persegi

dengan lebih 500 syarikat dari Singapura dan China menjalankan kegiatan pengilangan sejak ia dibuka pada tahun 1994.

Xia Fang, Pengarah Jawatankuasa Pentadbiran Jabatan Publisiti SIP, berkata

taman itu menjangkakan lebih banyak pelaburan serta penyertaan syarikat pengilangan terutamanya dari rantau Asia Tenggara.

"Dengan inisiatif Laluan Sutera Maritim Abad ke-21, kami berharap dapat menarik lebih banyak industri meningkatkan pelaburan mereka di SIP," kata

Xia.

Bandar Taicang di Suzhou banyak mendapat faedah daripada inisiatif OBOR serta Laluan Sutera Maritim Abad ke-21.

Dengan pesisiran pantai sepanjang 38.8 km di sepanjang Lembangan Sungai Yangtze, dan terusan air sedalam 12.5 meter, sewaktu zaman Dinasti Ming, Taicang adalah pelabuhan kampung halaman penjelajah tersohor, Zhenghe, enam abad yang lepas.

Pelabuhan Taicang boleh menampung kapal sehingga 200,000 tan dan diiktiraf sebagai pelabuhan utama untuk pengangkutan kontena di bahagian utara Shanghai International Navigation Center, hab untuk pengangkutan dengan sungai atau laut.

-- BERNAMA

AAH MMA CR